



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

KPWKM SANTUNI REMAJA BERUSIA 21 TAHUN MENDERITA PENYAKIT SARAF

Merujuk kepada laporan akhbar The New Straits Times (NST) pada 1 Julai 2023 berkenaan dengan nasib yang menimpa seorang remaja berusia 21 tahun yang menghidap penyakit saraf dengan memiliki berat hanya 10 kilogram di Terengganu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyantuni beliau dan keluarga pada 20 Jun 2023.

Muhammad Hafizuddin bin Ismail merupakan penerima bantuan Orang Kurang Upaya (OKU) Tidak Berupaya Bekerja (BTB) sejak November 2020. KPWKM melalui JKJ juga akan bekerjasama dengan agensi Kerajaan yang lain bagi menyalurkan bantuan bersesuaian untuk meringankan beban keluarga remaja ini. KPWKM juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada The News Straits Times dan semua rakan-rakan media yang menyampaikan maklumat kepada Kementerian dan Kerajaan berkenaan pelbagai isu masyarakat yang perlu diberi perhatian segera.

Orang ramai boleh terus menghubungi Talian Kasih di talian 15999 dan nombor WhatsApp 019-2615999 atau terus ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) bagi melapor dan menyalurkan maklumat berkenaan kanak-kanak, warga emas serta komuniti yang memerlukan bantuan.

KPWKM mengalu-alukan maklumat daripada semua lapisan masyarakat agar setiap kumpulan sasar Kementerian dapat dibela dan seterusnya disantuni segera untuk kita bersama membangun Malaysia Madani.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI

MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

3 Julai 2023